

## PERLINDUNGAN DAN KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK DARIPADA GANGGUAN SEKSUAL: TINJAUAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA

(PROTECTION AND WELL-BEING OF CHILDREN FROM SEXUAL  
HARRASSMENT: LEGAL REVIEW IN MALAYSIA)

Alias bin Azhar (Ph.D)<sup>1</sup>  
Siti Khadijah binti Mohd Khair  
Kamini a/p Shanmugaiyah

<sup>1</sup>Assoc.Prof. School of Law, UUMCOLGIS, Universiti Utara Malaysia  
Email: az.alias@uum.edu.my

**Accepted date:** 29 July 2017

**Published date:** 2 October 2017

### **To cite this document:**

Azhar, A., Khair, S. K., & Shanmugaiyah, K. (2017). Perlindungan Dan Kesejahteraan Kanak-Kanak Daripada Gangguan Seksual: Tinjauan Perundangan di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2(5), 37-47.

---

**Abstrak:** Rentetan daripada perbuatan gangguan seksual kanak-kanak ini boleh menjurus kepada berlakunya penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekaburan mengenai perbezaan di antara interpretasi penderaan seksual dan gangguan seksual. Seringkali, definisi gangguan seksual dianggap sama dan tiada perbezaan dengan penderaan seksual. Oleh itu, peruntukan mengenai kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak perlu dibuat secara khusus dalam memberi takrifan dan kawalan ke atas perilaku gangguan seksual kanak-kanak di Malaysia untuk menunjukkan keseriusan dalam menangani isu ini. Kajian ini berbentuk sosio-perundangan iaitu satu kaedah penyelidikan yang menyatukan dua bidang utama dalam penyelidikan iaitu sains sosial dan undang-undang khusus polisi dan peraturan. Oleh kerana undang-undang dibentuk sebagai mekanisme untuk mengurus hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial. Kajian turut menggarap bentuk analisis kandungan (Content analysis). Penyelidik telah berusaha menganalisis dokumen untuk diketahui isi dan makna yang terkandung dalam dokumen tersebut Akta Kanak-Kanak 2001 hanya memperuntukkan penderaan seksual kanak-kanak akan tetapi tidak memperuntukkan suatu peruntukan khusus berhubung kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia. Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 merupakan akta yang diluluskan bertujuan melindungi kanak-kanak 18 tahun ke bawah daripada jenayah seksual yang selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001. Suatu usaha terbaik daripada pihak kerajaan dalam menangani masalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Jenis kesalahan dan hukuman lebih jelas menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan kanak-kanak daripada ancaman jenayah seksual.

**Kata Kunci:** *Kanak-kanak, Perlindungan, Penderaan, Eksploitasi, Pedofilia*

**Abstract:** *Sexual harassment on children could lead to sexual assault. However, the interpretation between sexual harassment and sexual assault is still vague. They are often considered the same and used interchangeably. Hence, provision on children sexual assault offense should specifically be done in term of defining and controlling children sexual harassment in Malaysia to reflect seriousness in dealing with this issue. This research was performed using a combination of two main forms which were qualitative and field research. Qualitative method can be defined as a method that focuses on the effort of searching and providing explanation and non-numerical observation even though some explanations refer to statistic. Most research in this domain provide explanation, interpretation, or meaning in process of communication. This method is also an effort in providing explanation on behaviour and condition of human using general opinion on any social action. This research also implemented content analysis. In content analysis, researchers analyse documents to understand the content and meaning that is imbedded in the documents. Children Act 2001 only allocates children sexual abuse but not on children sexual harassment in Malaysia. Child Sexual Crimes Offenses Act 2017 is an approved act aimed at protecting children 18 years and below from sexual crimes consistent with the Child Act 2001. A best effort by the government in dealing with sexual crimes against children. The type of offense and punishment more clearly demonstrates the government's commitment in improving the safety of children from sexual assault.*

**Keywords:** *Childs, Protection, Harassment, Exploitation, Paedophilia*

---

## **Pendahuluan**

Kanak-kanak adalah golongan yang perlu diberi perlindungan kerana mereka terdedah kepada pelbagai bahaya sama ada mereka menjadi mangsa atau terlibat dengan perlakuan jenayah. Tambahan lagi di dalam era teknologi komunikasi dan maklumat yang serba canggih pada hari ini kanak-kanak kini lebih terdedah kepada ancaman pedofilia apabila pelaku mudah mendampingi untuk memperoleh imej mereka menerusi rangkaian laman sosial. Isu pedofilia menjadi perbincangan hangat apabila masyarakat di negara ini dikejutkan dengan berita seorang penuntut Malaysia dijatuhi hukuman penjara lima tahun oleh sebuah mahkamah di London apabila mengaku bersalah atas 17 kesalahan memiliki 30,000 imej dan video pornografi kanak-kanak (<http://www.beritaharian.sg/dunia/pedofil-britain>). Maka, perlunya kepada penguatkuasaan undang-undang yang lebih efisien terhadap pesalah jenayah seksual kanak-kanak seperti pedofilia daripada berleluasa.

Selain itu, Kanun Keseksan juga masih terdapat kekeliruan dan kesamaran berhubung seksyen 509 dan seksyen 354 berhubung perlindungan kanak-kanak daripada gangguan seksual. Kanak-kanak merupakan aset negara yang sangat penting kerana kepada merekalah segala harapan dan cita-cita negara disandarkan selaku pemimpin di masa hadapan. Kanak-kanak juga adalah golongan yang perlu diberi perlindungan kerana di dalam keadaan-keadaan tertentu, mereka mungkin terdedah kepada pelbagai bahaya sama ada mereka menjadi mangsa atau terlibat dengan perlakuan jenayah.

Menyedari hakikat ini, maka pertimbangan utama di dalam segala tindakan yang menyentuh hal ehwal kanak-kanak adalah kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak berkenaan. Ini boleh

dilihat di dalam pelbagai undang-undang yang terdapat di negara ini. Walau bagaimanapun, permasalahan mengenai kanak-kanak masih terus berlaku di merata tempat sama ada di dalam atau luar negara. Tambahan lagi di dalam era teknologi komunikasi dan maklumat yang serba canggih pada hari ini kanak-kanak kini lebih terdedah kepada ancaman pedofilia apabila pelaku mudah mendampingi untuk memperoleh imej mereka menerusi rangkaian laman sosial. Oleh yang demikian, adalah amat penting bagi ibu bapa untuk melindungi dan mendidik anak-anak mereka mengenai ancaman tersebut. Berbanding dengan negara-negara barat yang sudah lama mengenal pasti gejala ini dan mempunyai pangkalan data pesalah laku pedofilia.

Kerajaan Malaysia begitu komited untuk membawa proses transformasi agar menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 melalui pembangunan sosio-ekonomi yang pesat pertumbuhannya. Selain itu, negara ini telah mengambil pelbagai langkah dalam menyelaraskan mengenai hak asasi manusia dan hak-hak kanak-kanak di peringkat antarabangsa bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan dalam pembangunan sosial. Kajian ini memberikan penekanan mengenai pelaksanaan hak dan perlindungan kanak-kanak berhubung perbuatan gangguan seksual dan sama ada Malaysia mempunyai peruntukan khusus untuk kesalahan tersebut yang perlu diteliti dan dilaksanakan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk sosio-perundangan iaitu satu kaedah penyelidikan yang menyatukan dua bidang utama dalam penyelidikan iaitu sains sosial dan undang-undang khusus polisi dan peraturan. Oleh kerana undang-undang dibentuk sebagai mekanisme untuk mengurus hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dengan masyarakat (Rohani Abdul Rahim, 2002).

Kajian ini akan turut melibatkan penyelidikan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan yang baru dan terkini dengan menggunakan keaslian dan kreativiti yang tinggi melalui kaedah perundangan tradisional atau konvensional melibatkan proses menyatakan (*stating*), menginterpretasi (*interpreting*) dan menerangkan undang-undang sedia ada (*clarifying the existing law*) di dalam sesuatu bidang perundangan (Mahdi Zahraa, 1998). Kajian seumpama ini melibatkan perancangan yang sistematik, penyiasatan, pemerhatian, analisis dan teknik yang kritikal. Secara khususnya, kaedah perundangan tradisional ini boleh dibahagikan kepada empat kaedah pula iaitu kaedah falsafah, sejarah, analitis dan kritis serta metod perbandingan (Walker, 1969).

Kajian yang telah dijalankan adalah berdasarkan pendekatan kualitatif. Metode kualitatif boleh definisikan sebagai kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2010).

Melalui kajian berbentuk kualitatif, penulis mengutamakan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta data yang telah dikumpulkan dalam bentuk ayat atau kenyataan serta bukan berbentuk nombor atau numerik walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Dapatan yang terhasil daripada rekabentuk ini telah dipaparkan melalui kenyataan-kenyataan atau jadual-jadual bersesuaian yang dapat mengukuhkan pemerihalannya penulis terhadap fenomena yang telah dikaji.

Kajian turut menggarap bentuk analisis kandungan (Content analysis). Penyelidik telah berusaha menganalisis dokumen untuk diketahui isi dan makna yang terkandung dalam dokumen tersebut (Nazir,1985; Ratna,2004; dan Muhadjir,2003). Antara dokumen yang dijadikan data penyelidikan ialah website pihak responden, gambar, grafik, laporan, buku teks, surat khabar dan majalah berkaitan.

Di sini penulis menggariskan metodologi kajian yang diaplikasikan bagi memperoleh maklumat dan data yang dapat menjamin kredibiliti kajian yang akan dijalankan. Metodologi kajian yang dijalankan adalah berkait rapat dengan peringkat dan aras kajian seperti berikut: Peringkat asas membabitkan konsep perlindungan dan keselamatan kanak-kanak. Kajian ini akan menggunakan pelbagai kaedah tertentu seperti:

- 1- Kaedah analisis kandungan yang meneliti kerangka epistemologi kedudukan kanak-kanak dalam perundangan Negara (persoalan sumber, sifat sesuatu ilmu dan neraca penilaian);
- 2- Kaedah pensejarahan dan perbandingan yang meneliti asal usul perundangan perlindungan kanak-kanak berteraskan isu-isu semasa serta perkaitannya;
- 3- Kaedah penelitian sosiologi yang meneliti latar belakang masyarakat seperti aspek sosio-politik, struktur, ekonomi dan institusi tertentu (seperti institusi penguatkuasaan dan agensi) yang mempengaruhi penghasilan peraturan.
- 4- Kaedah penelitian pendidikan yang meneliti secara mendalam tentang peranan, sifat dan kaedah institusi yang bertanggungjawab menguatkuasa undang-undang dan agensi terbabit.

## **Ulasan Literatur**

### ***Hak kanak-kanak***

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau Convention on the Rights of the Child (CRC) pada 17 Februari 1995. Konvensyen ini memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek kelangsungan hidup (survival), perlindungan (protection), perkembangan (development) dan penyertaan (participation). Sebagai sebuah Negara Pihak (State Party) kepada CRC, Malaysia amat prihatin dan komited terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang merupakan generasi pewaris negara masa hadapan.

Berdasarkan artikel 19 di dalam The Convention on the Rights of the Child (CRC), “kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada diseksa dan dilayan dengan tidak adil secara fizikal atau emosi. Berkenaan penderaan atau gangguan secara emosi berkait rapat dengan gangguan seksual di mana kanak-kanak akan menyendiri disebabkan gangguan yang menyebabkan tekanan emosi dan mental. Kerajaan haruslah mengambil tindakan yang

se wajarnya untuk melindungi kanak-kanak daripada keganasan, penderaan dan pengabaian oleh ibu bapa atau sesiapa sahaja yang menjaga mereka.

Pada tahun 1948 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima Universal Declaration of Human Rights. Ini diikuti dengan Pengisytiharan Hak Kanak-Kanak pada tahun 1959 yang hanya mempunyai hak yang tidak pun mengikat negara-negara yang menandatangani. Pada tahun 1978 Kerajaan Poland telah menghantar satu deraf konvensyen kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada 20 November 1989 KHKK telah diterima oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dengan mengekalkan semangat yang ada dalam Pengisytiharan Hak Kanak-kanak 1959, Konvensyen ini mencerminkan isu dan kegusaran semasa seperti perlindungan alam sekitar, penyalahgunaan dadah dan eksploitasi seks. Konvensyen ini telah berkuat kuasa pada tahun 1990 selepas 20 buah negara meratifikasinya. Menurut Amnesty International, 193 buah negara termasuk Malaysia telah menjadi ahli kepada konvensyen ini dan hanya Amerika Syarikat dan Somalia sahaja yang masih belum menerimanya. KHKK adalah konvensyen antarabangsa yang menggariskan hak-hak kanak-kanak dalam hal-hal sivil, politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Seperti yang dilihat dalam KHKK konsep “eksploitasi seks digunapakai dan berdasarkan konsep ini lebih relevan dengan penderaan seksual berbanding gangguan seksual.

### ***Dasar Perlindungan Kanak-kanak***

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak ini merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak 2001. Dasar ini memberi tumpuan kepada aspek advokasi, pencegahan, khidmat sokongan dan penyelidikan dan pembangunan bagi melindungi kanak-kanak. Bagi mencapai objektif-objektif di atas, 11 strategi dirangka berasaskan 4 aspek utama iaitu advokasi, pencegahan, khidmat sokongan dan penyelidikan dan pembangunan.

#### ***i. Advokasi***

- 1) Menerap dan memupuk kesedaran tentang pentingnya tanggungjawab melindungi kanak-kanak kepada semua lapisan masyarakat termasuk mewujudkan perkongsian pintar (smart partnership) dengan pihak media dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk sektor swasta dan organisasi masyarakat.
- 2) Memastikan mereka yang berurusan secara langsung dengan kanak-kanak berupaya mengenal pasti dan seterusnya melaporkan kes-kes pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.
- 3) Memastikan kanak-kanak dan anggota masyarakat termasuk pengamal undang-undang, penuntut jurusan undang-undang, pendidik, pekerja sosial, doktor, anggota penguat kuasa (seperti pegawai polis dan imigresen), pemandu pengangkutan awam (seperti bas dan teksi) dan pengawal keselamatan diberi kefahaman mengenai hak kanak-kanak di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dengan fokus kepada aspek perlindungan.
- 4) Menggalakkan penyediaan persekitaran yang sihat dan selamat untuk kanak-kanak.
- 5) Menggalakkan setiap organisasi mewujudkan dasar dan peraturan mengenai perlindungan kanak-kanak.

## **ii. Pencegahan**

- 1) Mewujudkan mekanisme amaran awal dan mengukuhkan mekanisme perlindungan kanak-kanak di peringkat nasional dan antarabangsa.
- 2) Menyediakan pengetahuan asas kepada kanak-kanak untuk membolehkan mereka melindungi diri daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi serta mengenal pasti keadaan yang berisiko kepada mereka.
- 3) Mewujudkan sistem saringan, pengiktirafan dan latihan bagi mereka yang bekerja secara langsung dengan kanak-kanak.

## **iii. Khidmat sokongan**

- 1) Memperluas dan meningkatkan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa, keluarga, pesalah dewasa, pesalah kanak-kanak dan komuniti setempat.
- 2) Meningkatkan dan memperluaskan perkhidmatan perlindungan dan kesihatan kepada mangsa dan keluarga.

## **iv. Penyelidikan dan pembangunan**

- 1) Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan mengenai perlindungan kanak-kanak serta menyebarkan hasil penyelidikan untuk tindakan penambahbaikan.
- 2) Dasar Kanak-kanak Negara dengan objektif utama Dasar Kanak-Kanak Negara ialah untuk memastikan:
  - a. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial;
  - b. setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi; dan seterusnya diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan masyarakat;
  - c. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian;
  - d. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk bersuara, menyertai (turut serta) dan melibatkan diri mengikut tahap keupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka;
  - e. kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, komuniti dan masyarakat sedar akan hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan; dan
  - f. penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dilaksanakan dari semasa ke semasa.

## ***Peruntukan undang-undang perlindungan kanak-kanak***

Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak, 2001. Kanak-kanak merupakan modal insan penting kepada negara. Modal insan ini dapat dibangunkan kepada tahap optimum melalui penyediaan persekitaran yang selamat dan kondusif. Sehubungan itu, perlindungan terhadap kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi adalah satu aspek penting dan hendaklah diberi keutamaan.

Seksyen Akta Kanak-kanak 2001 tidak menyatakan secara khusus berkenaan gangguan seksual dan hanya menyatakan penderaan seksual di bawah seksyen 31(1) (b). Berdasarkan seksyen 31 (1) (b) Akta Kanak-kanak 2001 yang menyatakan bahawa “mana-mana orang, yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak (b) yang menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian, suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tidak melebihi sepuluh tahun atau keduanya (Baljit Singh Sindhu, 2003).

Maksud gangguan seksual kanak-kanak ialah perlakuan individu iaitu pemangsa memaksa atau cuba mempengaruhi serta mengugut mangsa sama ada melakukan hubungan seksual atau gangguan seksual banyak cara termasuk memasukkan objek dalam mulut, tubuh, dubur dan kesakitan fizikal. Selain itu, perbuatan mengusap-usap kadang-kadang mengelirukan kanak-kanak kerana mereka menganggap itu sentuhan sayang (Mariani Mohd. Nor, 2009).

Jika kita dapat lihat bahawa gangguan seksual diberi kepentingan dalam konteks undang-undang pekerjaan di mana interpretasi dalam Code of Practice on the Prevention and Eradication of Sexual Harassment in the Workplace 1999. Artikel 8 Code of Practice juga telah menyatakan lima jenis gangguan seksual yang boleh dipraktikkan untuk tujuan Akta Kanak Kanak 2001 berkenaan peruntukan yang tiada untuk gangguan seksual.

Justeru, dasar perlindungan kanak-kanak amat perlu pada masa ini bagi menggalakkan setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama. Dasar ini adalah selaras dengan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak 2001 yang juga menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak demi kepentingan terbaik mereka.

Perbuatan gangguan seksual boleh menjadi suatu masalah dan dilemma bagi kanak-kanak dan remaja terutamanya dalam penggunaan teknologi dan multimedia serta media massa yang semakin berleluasa di masa kini. Perbuatan gangguan seksual adalah melibatkan sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal. Ia termasuklah gangguan secara lisan merangkumi kata-kata, komen, gurauan, usikan bunyi dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau gangguan seksual.

Gangguan seksual secara visual pula adalah seperti menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, menghantar nota, surat, mel elektronik, foto melalui penggunaan peralatan media, peralatan elektronik atau komunikasi kepada pengadu. Sementara gangguan secara fizikal melibatkan sentuhan yang tidak diingini, menepuk, mencubit, mengusap, menggesel badan, memeluk, mencium, serangan seksual. Manakala gangguan secara psikologi termasuk perbuatan mengulangi jempunan sosial yang telah tidak diterima, memujuk rayu berterusan atau mendesak untuk keluar bersama atau bagi memenuhi keinginan seksual.

Menurut Tan Sri Ghani Patail (2015) di Jabatan Peguam Negara menyatakan bahawa perlunya kepada peruntukan khusus bagi jenayah gangguan seksual terutamanya terhadap kanak-kanak. Berhubung definisi gangguan seksual berkenaan tingkah laku yang khusus atau kelakuan yang termasuk di dalam gangguan seksual adalah sukar untuk diukur. Secara amnya, seseorang itu harus dilihat dalam konteks persekitaran dan keadaan sekelilingnya yang melibatkan mangsa iaitu seperti budaya, kepercayaan agama dan lain-lain. Kelakuan

gangguan seksual tersebut haruslah dibuktikan bahawasanya perbuatan oleh pelaku itu merupakan suatu kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak. Misalnya jika dua orang itu melawak tentang perkara-perkara yang berbaur seksual, maka perbuatan sebegini tidak dianggap sebagai gangguan seksual.

Walau bagaimanapun, jika seseorang itu masih meneruskan perbuatan lawak tersebut yang berbaur seksual dan pihak yang satu lagi merasakan bahawa perbuatan tersebut adalah merupakan kesalahan, maka perbuatan tersebut akan dianggap sebagai gangguan seksual. Namun demikian, seseorang kanak-kanak yang tidak mempunyai keupayaan dari segi tahap kematangan, pengetahuan dan kesedaran mengenai gangguan seksual adalah sukar menentukan bahawa mereka sebenarnya telah diganggu secara seksual. Oleh yang demikian, perlunya kepada penguatkuasaan undang-undang yang lebih efisien dan undang-undang khas terhadap pesalah jenayah seksual kanak-kanak seperti pedofilia bagi mengekang masalah ini daripada berleluasa. Justeru, ia memerlukan kawalan dan seliaan yang rapi.

Kesan daripada perbuatan tersebut menyebabkan kanak-kanak akan mengalami tekanan dan trauma di dalam kehidupan mereka. Akta Kanak-Kanak 2001 hanya memperuntukkan Seksyen 17(2)(c) berhubung penderaan seksual kanak-kanak akan tetapi tidak memperuntukkan suatu peruntukan khusus berhubung kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia. Jika dilihat di negara India, contohnya telah dikuatkuasakan Akta Kesalahan Seksual 2012 yang telah memberikan satu definisi khusus bahawa kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun adalah diberikan perlindungan dari segi kesalahan yang berbentuk 'assault, gangguan seksual dan pornografi. Ini adalah akta yang pertama yang menyentuh tentang aspek perbuatan menyentuh dan tidak menyentuh. Misalnya mengambil gambar kanak-kanak untuk dijadikan bahan lucah. Oleh yang demikian, Akta Kanak-Kanak 2001 dilihat tidak memadai dalam memberikan perlindungan kepada kanak-kanak yang seringkali menjadi mangsa kepada perbuatan gangguan seksual.

Selain itu, Akta ini tidak memasukkan bentuk perbuatan yang terkandung sebagai gangguan seksual berserta kesan gangguan seksual terhadap kanak-kanak. Peruntukan di dalam seksyen 17 Akta ini memperuntukkan suatu interpretasi yang terhad iaitu hanya memberikan interpretasi tentang penderaan seksual dan eksploitasi kanak-kanak tanpa memasukkan peruntukan khusus dan terperinci tentang perbuatan yang termasuk di dalam kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak berserta hukuman yang setimpal bagi pesalah yang melakukan kesalahan tersebut jika disabitkan. Selain itu, Kanun Keseksaan juga masih terdapat kekeliruan dan kesamaran berhubung seksyen 509 dan seksyen 354 berhubung perlindungan kanak-kanak daripada gangguan seksual. Di dalam hal ini kerajaan seharusnya memainkan peranannya dengan menggubal undang-undang yang mengenakan kewajipan tertentu ke atas ibu bapa atau penjaga bagi menjaga kebajikan, kepentingan atau kesejahteraan kanak-kanak yang berada di bawah jagaan mereka.

Perundangan utama yang membincangkan atas hak dan perlindungan kanak-kanak adalah Akta Kanak-kanak (2001). Namun demikian, jika diteliti tiada peruntukan khusus dan terperinci mengenai kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak berserta hukumannya jika disabitkan. Jika dilihat di dalam Akta Kanak-Kanak 2001 hanya memperuntukkan Seksyen 17(2)(c) berhubung penderaan seksual kanak-kanak akan tetapi tidak memperuntukkan suatu peruntukan khusus berhubung perbuatan gangguan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia. Merujuk seksyen 17(2)(c) memperuntukkan bahawa kanak-kanak itu teraniaya dari segi seks jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau



pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi maksud (i) apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan yang berunsur pornografi, lucah atau sumbang; atau (ii) eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.

Masih terdapat kekaburan mengenai perbezaan di antara interpretasi penderaan seksual dan gangguan seksual. Seringkali, definisi gangguan seksual dianggap sama dan tiada perbezaan dengan penderaan seksual. Namun demikian, konsep dan kepentingan gangguan seksual hanya dilihat dalam konteks pekerjaan sahaja. Merujuk kepada Rang Undang-undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015, hanya membincangkan tentang seksyen 17(1) berhubung kecuai dan pengabaian ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melakukan pengawasan dan kawalan ke atas kanak-kanak.

Manakala di dalam seksyen 29 Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 itu pula menyatakan sekiranya seseorang itu selain daripada orang yang dirujuk di bawah seksyen 27,28 dan 29, mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa kanak-kanak itu secara fizikal atau emosinya dcederakan disebabkan kelakuan zalim, diabaikan, dibiarkan atau penderaan seksual, maka seseorang itu boleh memberikan maklumat tersebut kepada Pegawai Kebajikan Sosial. Oleh yang demikian, peruntukan mengenai kesalahan gangguan seksual terhadap kanak-kanak perlu dibuat secara khusus yang memberi takrif dan kawalan ke atas perilaku gangguan seksual kanak-kanak di Malaysia untuk menunjukkan keseriusan dalam menangani isu ini.

Secara umumnya, terdapat beberapa peruntukan yang berkaitan di dalam Kanun Keseksaan yang boleh digunakan oleh mangsa gangguan seksual bagi membela diri mereka dan supaya pelaku jenayah gangguan seksual ini didakwa atas kesalahan tersebut. Antaranya adalah seksyen 354 yang memperuntukkan berhubung serangan atau penggunaan kekerasan jenayah dengan niat untuk mencabul kehormatan mangsa. Jika disabitkan kesalahan, pelaku jenayah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau man-mana dua daripada hukuman tersebut.

Manakala seksyen 355 memperuntukkan kesalahan yang melibatkan kekerasan jenayah ke atas mangsa bagi tujuan menjatuhkan maruah mangsa. Jika disabitkan kesalahan, pelaku jenayah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Selain itu, seksyen 377D berhubung penghinaan terhadap kesopanan. Jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 2 tahun dan seksyen 509 adalah mengenai perkataan atau isyarat yang bertujuan menghina maruah seseorang. Jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 mula berkuat kuasa pada 10 Julai 2017 (Azalina Othman Said,2017). Akta yang diluluskan pada April lepas itu bertujuan melindungi kanak-kanak 18 tahun ke bawah daripada jenayah seksual yang selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001. Individu yang didapati bersalah melakukan perbuatan seksual terhadap kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan boleh dihukum sebat. Di bawah akta tersebut, individu-individu yang didapati membuat, memiliki dan mengedarkan pornografi kanak-kanak, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 30 tahun dan enam kali rotan, serta didenda sehingga RM5,000

jika didapati memegang maklumat mengenai kesalahan seksual terhadap kanak-kanak (Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017).

## **Penutup**

Berdasarkan peruntukan di dalam seksyen 509 dan seksyen 354 di atas, ia menunjukkan tidak terdapat suatu tafsiran yang jelas sama ada gangguan seksual ini termasuk di dalam bentuk kesalahan seksual di dalam Kanun Keseksaan. Jika diteliti, tiada perkataan yang digunakan di dalam kedua-dua peruntukan itu yang menyebut 'gangguan seksual'. Begitu juga tiada satu definisi tepat mengenai gangguan seksual di dalam peruntukan tersebut yang walaupun terdapat perkataan seperti 'menjatuhkan maruah mangsa' dan 'menghina maruah mangsa', ianya masih terlalu umum untuk ditafsirkan sebagai gangguan seksual.

Merujuk peruntukan undang-undang yang sedia ada, gangguan seksual dianggap sebagai penderaan seksual di mana tiada penjelasan atau peruntukan spesifik tentang gangguan seksual. Persoalannya, sejauh manakah masalah gangguan seksual terhadap kanak-kanak dititikberatkan di Malaysia, di mana isu pedofilia yang wujud di kalangan golongan muda di Malaysia yang tidak semestinya melibatkan penderaan seksual tapi gangguan seksual. Contohnya A menunjukkan gambar pornografi kepada budak yang hanya berusia 5 tahun atau 13 tahun yang mungkin terpedaya akibat umur yang naif atau atas alasan tujuan pendidikan seks. Selain itu, sejak 2011, Jabatan Peguam Negara Bahagian Pendakwaan telah mendakwa sebanyak 4730 kes-kes di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 antara tahun 2011 sehingga September 2015. Namun demikian, kes-kes yang dilaporkan ini tidak dikategorikan mengikut jenis-jenis kesalahan seksual.

Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 merupakan akta yang diluluskan bertujuan melindungi kanak-kanak 18 tahun ke bawah daripada jenayah seksual yang selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001. Individu yang didapati bersalah melakukan perbuatan seksual terhadap kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan boleh dihukum sebat. Parameter kawalan dan cakupan akta terkini lebih meluas dan terperinci. Suatu usaha terbaik daripada pihak kerajaan dalam menangani masalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Jenis kesalahan dan hukuman lebih jelas menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan kanak-kanak daripada ancaman jenayah seksual.

## **Rujukan**

Abd Hadi Zakaria, (1995). *Protecting Girls Official Measures Against Underaged Girls Rescued From Moral Danger*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press

Akta Kanak-kanak 2001

Alok Kumar, Asha Pathak, Sandeep Kumar, Pooja Rastogi, Prateek Rastogi, 2011, *The Problem of Child Sexual Abuse in India Laws, Legal Lacuna and the Bill – PCSOB-2011*, Indian Acad Forensic Med. April-June 2012, Vol. 34, No. 2

Aneeta Kulasegaran, (1999) "Women's and Children's Rights And The Protection Offered By Domestic Law", kertas yang dibentangkan di 12th Commonwealth Law Conference di Kuala Lumpur, September 1999.

Ashgar Ali Ali Mohamed, 2008, *Sexual Harrassment In School Involving Youth, Extent of Legal Protection*, MLJ,xc, Jilid 1, Malayan Law Journal.

- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia 6 (1), Kuala Lumpur: UM.
- Baljit Singh Sidhu, 2003, An Overview Of The Child Act 2001 And The Criminal Procedure Aspects, [2003] 2 MLJ.
- Chiam, HK, (1995) Understanding Children, Kuala Lumpur: Pelanduk Publication
- Cobley, C, (1995) Child Abuse & The Law , London: Cavendish Publishing Ltd
- <http://www.malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/685305-akta-jenayah-seksual-kanak-kanak-berkuat-kuasa-10-julai-azalina.html>
- Loshana K.Shagar, 571 Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak Pada Suku Pertama 2015, 27 Mei 2015 <<http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa-2015/05/27/penderaan-seksual-kanak-kanak/>> diakses pada 18 April 2017.
- Mahdi Zahraa. (1998). *Research methods for law postgraduates overseas students*. Univision: Glasgow.
- Manique Cooray,2014, Child Pornography On The Internet And The Elusive World Of Paedophiles, Malayan Law Journal Articles
- Mimi Kamariah Majid, (2002) "Akta Kanak-Kanak 2001: Cadangan Pindaan Undang-Undang Berkenaan Gejala Sosial" di dalam Siti Zaharah (penyunting), Siri Undang-Undang Mimi Kamariah: Akta Kanak-Kanak 2001, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Muhadjir, Noeng. (2002). Metodologi penelitian Kualitatif. Yogyakarta: Rake Sarasin.
- Nazir, Moh. (1985). Metode Penelitian. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Nithiyanantham Murugesu, 2010, The Role Of The Law And The Courts In Preventing The Abuse Of Children -- The Malaysian Perspective, [2010] 5 MLJ.
- Noor Aziah Mohd Awal, 2009, Hak Kanak-Kanak Di Malaysia: Ke Arah Mana?, [2009] 2 MLJ
- Noor Hisham Md Nawawi, Nurliza Ahmad, 2013, Nilai Kemanusiaan: Isu Dan Cabaran, Penerbit UMK (Universiti Malaysia Kelantan).
- Peraturan-Peraturan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (Prosedur & Amalan) 1995
- Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015
- Ratna, Nyoman Kutha. 2004. Penelitian Sastra: Teori, Metode, dan Teknik. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rohani Abdul Rahim. (2002). Metodologi Penyelidikan Undang-undang: Satu Tinjauan Kepada Kajian Sosio-Perundangan. *Seminar Kemantapan Akademik UKM*.
- Rojana Kahar, Najibah Mohd Zin, 2011, Child Related Policies And Legislatives Reforms In Malaysia, International Journal Of SocialPolicy And Society, Vol.8.
- Tower, CC, (1989) Understanding Child Abuse and Neglect, Boston: Allyn and Bacon
- Abdul Gani Patail, 2015, Jabatan Peguam Negara, Jilid 1 MLJ iii, Malayan Law Journal
- Walker, D. (1969). The Scottish Legal System, An Introduction to the Study of Scots Law. Edinburgh: W. Green
- Yosouf Oomar , 2008, "Towards the Empowerment of Children's Rights in Malaysia", National Conference on Child Law in Malaysia.
- Zaleha Kamaruddin, (1997),Isu-Isu Kekeluargaan dan Undang-Undang, Kuala Lumpur:ABIM